

---

Title	Rawsynfikri: Jauhari yang mengenal manikamnya
Author	Kartini Anwar
Source	<i>Seminar Masuri S. N (2008), Singapura, 26 – 27 Julai 2008</i>

---

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

## Rawsynfikri: Jauhari yang Mengenal Manikamnya

**Kartini Anwar**

Universiti Teknologi Nanyang, Singapura

Sasterawan yang berfungsi bergerak dalam kelompok masyarakat yang cenderung kepada falsafah ilmu dan budaya yang dapat menghasilkan pembahasan natijah. Sebagai 'laureate' dalam masyarakat, kelompok ini mencerna pemikiran yang tersimpul dalam sulaman seni yang indah. Mereka merenung dan memerhati, berfikir dan berempati, bermuhasabah dan meneliti dengan pemberdayaan yang bersosok waja, demi menjalankan tugas menegur dan menyinggul dengan ampuh serta mengapungkan pemikiran mereka melalui karya teks yang mencorakkan budaya rawsynfikri. Dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden, budaya ini telahpun wujud, melalui sasterawan yang gigih menekuni ketukangannya, Masuri S.N. Kertas ini meneliti dan membincangkan ciri-ciri rawsynfikri sebagaimana ia terungkap dalam karya Masuri S.N. Penelitian dibuat dari sudut pemikiran dan kepengarangan beliau melalui karya-karya dalam genre puisi dan prosa, khususnya sajak, cerpen dan penulisan esei berdasarkan tiga peringkat pengkaryaan beliau.

*Kualiti watak intelektual itu... harus berpegang kepada komitmen mereka terhadap fikiran dan pemikiran, cukup terlibat dari segi nilai dan moral masyarakat dan tidak memisahkan diri secara sengaja dari perubahan dan pembahagian bangsanya. (A. Aziz Deraman, 2005: 69)*

### PENDAHULUAN

Pembangunan sebuah bangsa bertunjang daripada kebangkitan dan pembentukan budaya, memicu ke arah tradisi berfikir yang dimainkan oleh sekelompok masyarakat beriltizam tinggi. Selain daripada pembahasan natijah serta falsafah ilmu yang dihasilkan, kelompok itu juga mencerna pemikiran yang tersimpul dalam sulaman seni yang indah dan memainkan peranan mereka sebagai intelegensia dalam masyarakat. Mereka merenung dan memerhati, berfikir dan berempati, bermuhasabah dan meneliti dengan pemberdayaan yang bersosok waja, demi menjalankan tugas menegur dan menyinggul dengan ampuh serta mengapungkan pemikiran mereka melalui karya teks yang mencorakkan budaya *rawsynfikri*. Dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden, budaya ini wujud dalam kalangan sasterawan.

Kertas ini meneliti dan membincangkan ciri-ciri *rawsynfikri* (intelektualisme) sebagaimana ia terungkap dalam beberapa karya Masuri S.N. yang dihasilkan dari tahun 1948 hingga 2001. Penelitian dibuat dari sudut pemikiran dan kepengarangan beliau melalui karya-karya dalam genre puisi dan prosa, khususnya sajak, cerpen dan penulisan esei. Sebagai memperkemas perbincangan, karya-karya beliau dibahagikan kepada tiga era pengkaryaan; iaitu zaman awal, pertengahan dan akhir pengkaryaan. Setiap peringkat pengkaryaan diwakili sekurang-kurangnya sebuah kumpulan puisi, kumpulan cerpen dan kumpulan esei. Selain itu, juga akan diperbincangkan pandangan sesetengah pengamat sastera yang cenderung mengatakan bahawa nada Masuri S.N. lewat puisi-puisinya di peringkat akhir pengkaryaan, tidak selantang karya-karya awal beliau. Dengan merungkai ciri-ciri *rawsynfikri* dalam karya beliau, dapat diperlihatkan alasan-alasan yang dapat digunakan sebagai sandaran terhadap ketukangan dan pemikiran beliau. Juga, akan

dikedepankan beberapa pandangan agar langkah selanjutnya terhadap menghargai sumbangan Masuri S.N. dapat difikirkan.

### **KEPERIHALAN RAWSYANFIKR: GOLONGAN INTELEKTUAL DAN MANUSIA INTELEGENSIA**

Gagasan pemikiran yang diketengahkan oleh Alatas (1977), Said (1994) dan Fuller (2005) tentang golongan intelektual menjurus kepada pengertian bahawa golongan intelektual yang berfungsi adalah mereka yang mempunyai cita unggul dan kesedaran sosial. Mereka tidak bisu dan tuli terhadap kasus kemanusiaan, memusatkan diri untuk memperkatakan kepedulian terhadap masalah masyarakat yang partikular (setempat), mencari keberdayaan untuk mengkaji dan meningkatkan serta memanfaatkan ilmu ke arah pembangunan spiritual, estetik serta material. Dengan tujuan itu, mereka bergerak dalam lingkungan yang berpaksikan sifat *authoritative*, mengeneipkan bentuk pemikiran yang terjajah dan kepentingan jangka pendek, agar segala kegiatan untuk memperkatakan, menganalisis dan mencari penghuraian terhadap kemaslahatan masyarakat dapat dijalankan dengan kepekaan moral serta keprihatinan etika yang sempurna. Mereka bergerak melalui kondisi dan latar sosial setempat dan memberi sumbangan yang signifikan dalam evolusi wacana yang bersifat reformatif.

Mereka merupakan konsumer awal terhadap idea-idea baru, lantas memainkan peranan dengan menambah nilai dan memperkayakan idea-idea tersebut menerusi konsep-konsep yang dapat diterima dan disebarluaskan kepada masyarakat umum. Oleh kerana mereka peka dan mempunyai komitmen sosial terhadap kelompok khalayak yang didepani, mereka berupaya untuk mengutarakan, memperlihatkan, mendiagnos, mengujarkan masalah mahupun krisis sosial. Selain itu, mereka juga berusaha untuk mencari jalan keluar dalam menangani kemaslahatan tersebut. Dengan keterlibatan mereka dalam ranah sosial, wacana yang dibentuk dikeperkenalkan dan dikedepankan agar mendapat perhatian dan kesedaran sosial dan akhirnya menjadi 'pakaian umum' yang dikongsi bersama secara meluas.

Golongan intelektual bergerak dan berkembang melalui manusia intelegensia yang wujud dalam masyarakat. Mereka berfungsi dalam masyarakat melalui penglibatan secara langsung; iaitu melalui profesi sebagai pendidik, karyawan, sasterawan, pengamat sosial, pemimpin dan sebagainya. Dalam proses mengupas masalah masyarakat, mereka tidak terpengaruh dengan bentuk atau 'isme' tertentu dan tidak pula bergelumbang dengan keinginan 'digemilangkan' melalui laungan-laungan yang bersifat khutbah dan dogmatis. Sebaliknya, mereka menumpukan perhatian terhadap nuansa-nuansa berkualiti dengan penggabungjalinan kemahiran dan pengalaman agar dapat membentuk tradisi pemikiran intelektual melalui peranan dan ketrampilan mereka serta tindakan yang difikirkan wajar. Pastinya, pemikiran yang dicerna tercurah dalam wacana yang membangkitkan unsur intelektualisme. Justeru, sebagai sasterawan yang mengamati dan mempunyai kesedaran sosial, ciri-ciri *rawsyanyfikri* inilah yang banyak mendasari karya-karya Masuri S.N.

### **SASTERAWAN SEBAGAI PENGAMAT SOSIAL**

Masuri S.N. yang dilahirkan pada 11 Jun 1926 mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Telok Kurau dan Sekolah Melayu Geylang. Beliau kemudian melanjutkan usahanya menimba dan menyebarkan ilmu dengan menjadi guru pelatih menerusi pendidikan di Sultan Idris Training College walaupun terpaksa berjeda selama tiga tahun disebabkan Perang Dunia Kedua. Namun begitu, pengalaman dalam zaman perang itu telah

membumbui karya-karya awal beliau. Masuri S.N. mula mencoretkan pena remajanya pada usia 17 tahun. Latar setempat banyak menjadi cermin yang memantul inti kehidupan dalam ranah masyarakat yang didampinginya. Pengalaman tiga tahun di maktab perguruan memperluas dunianya, merangkai hubungannya dengan rakan-rakan dari negeri lain dan mempertajam pemikiran serta persepsinya dan menghalatujukan perjuangannya. Pengamatan beliau terhadap masalah sosial banyak berlegar dari kacamata seorang individu Islami yang menghayati konsep pendidikan sepanjang hayat, seorang karyawan yang berkecimpung dalam dunia pendidikan, seorang seniman yang tajam dari sudut kritis dan estetik dan seorang aktivis yang masuk gelanggang melalui penglibatan dan sumbangan dalam Asas '50.

Sebagai seorang anak Singapura tulen, sepanjang hayatnya, beliau banyak merenung, memikir, mengamati dan merakam melalui kesediaan yang terpanggil untuk membicarakan keprihatinan beliau terhadap masyarakat sekeliling. Kegigihan yang berbekalkan ketukangan sasterawan yang ampuh mencerminkan usaha-upaya beliau menghasilkan karya-karya berunsur intelektualisme menerusi tema yang konsisten dan lontaran pemikiran yang berfokus. Berbekalkan pengalaman yang luas dalam dunia pendidikan dan persuratan, karya-karya beliau telus, ikhlas dan tidak menampakkan sebarang motif peribadi atau kepentingan tertentu.

Beliau banyak mengangkat tema yang merujuk kepada kedangkalan pemikiran dan pembudayaan terhadap anasir-anasir tertentu yang mengakibatkan keruntuhan moral dan kepincangan masyarakat yang menyekat kebudayaan dan perkembangan tamadun bangsa Melayu. Pemikiran yang berfokus ini diungkap semenjak zaman penciptaan karya-karya awal beliau dan ini terus berkembang secara konsisten sebagaimana yang dikatakan Ismail Hussein:<sup>1</sup>

*dialah pengarang Malaya yang pertama yang memberikan perhatian yang serius terhadap sajak dan mengambil puisi khususnya sebagai tugas dan tanggungjawab hidupnya.....Masuri memberi kita kesan seorang penyair yang gelisah dan kurang gembira – titel-titel sajaknya itu sendiri memperlihatkan kesangsian dan kebimbangannya, keluhannya terhadap kesementaraan dan kepalsuan hidup dan keharuannya terhadap penderitaan manusia. Tetapi di samping semua kegelisahannya ini, terlihat pula kesedarannya yang kuat tentang tugas dirinya sebagai penyair, betapa di dalam keadaan hidup yang demikian, ia harus 'berwatak jelas' dan 'berotak waras', betapa ia harus men'dengungkan suara dipekak udara' untuk menyampaikan 'wahyu'nya, dan betapa ia sanggup menerima celaan dan ejekan.*

Cerpen-cerpen awal yang beliau hasilkan dalam zaman remaja juga memicu kepada tema yang serupa. Walaupun cerpen tersebut dianggap beliau sebagai "*hanyalah merupakan ciptaanku di zaman remaja yang penuh dengan kenangan segar, khayalan yang membuka semua ruang kemungkinan untuk bergerak dan berkisar*"<sup>2</sup> namun, dalam usia begitu, beliau sudah bervisi dan berupaya mengungkap isu-isu tempatan yang berkisar sekelilingnya. Pengamatan beliau berkembang seiringan dengan pengalaman beliau ke arah kedewasaan. Peristiwa-peristiwa yang berlaku, pembangunan, perkembangan politik, sistem pendidikan serta gejala-gejala yang datang bersama arus permodenan menjadi latar yang melahirkan karya beliau.

<sup>1</sup> Sebagai Kata Pengantar dalam Masuri S.N. (1962: viii).

<sup>2</sup> Dipetik dari bahagian Iringan Kata dalam Masuri S.N. (1960).

Gagasan pemikiran beliau bukan berpihak kepada golongan tertentu sahaja, sebaliknya khalayak sasaran beliau meluas dan beliau menunjukkan keprihatinan terhadap masyarakat umum termasuk golongan remaja. Karya sastera yang berupa puisi, cerpen dan esei menjadi simpulan dan anyaman seni yang menjembatani khalayak pembaca dengan dunia yang beliau ceburi sebagai pengarang. Persoalan-persoalan yang belegar tentang manusia dan kemanusiaan daripada berbagai perspektif dan dimensi menjadi ulitan wacana *rawsynfikri*.

### **MENJEJAKI CIRI RAWSYNFIKRI (INTELEKTUALISME) DALAM KARYA MASURI S.N.**

Ruang dan waktu banyak mempengaruhi penghasilan karya sastera. Namun, walaupun dalam konteks ruang dan waktu yang berbeza, seorang pengarang yang baik, akan memantulkan persoalan-persoalan sentral yang dominan secara konsisten. Beliau tidak terlalu obsesi dengan karya besar yang berdampak hanya untuk seketika, tetapi lebih memberi tumpuan kepada pemilihan berdasarkan prioriti – dapat membezakan persoalan yang primari dengan yang sekunder. Sikap pengarang yang konsisten melalui pemikiran dan pemihakan menjelaskan sifat wacananya. Aspek dan nilai moral yang terkandung dalam karya dapat mengangkat gagasan pemikirannya, mengajukan permasalahan, merungkai kekusutan dan menterjemahkan saranan dan huraian. Apabila ditelusuri karya-karya Masuri S.N. dari periode 1948 – 2003, dapat diperlihatkan ciri *rawsynfikri* yang menyokong keanjalan pengarangnya melalui rentetan rasa patriotisme, kemanusiaan dan kerohaniannya.

### **PERINGKAT AWAL: RENUNGAN, CETUSAN PENGA DAN TINTA**

Antara kumpulan sajak awalnya termuat dalam *Warna Suasana* (1962). Sebagai penyair, cita murni beliau terungkap dan terpandu dalam karya-karya setelah tahun-tahun 1948 dan kemudiannya, karya-karya beliau membawa semangat yang lebih jelas setelah terdirinya Asas '50. Sebagai sasterawan yang tidak mudah goyah dengan jolokan dan gelaran, Masuri menggambarkan representasi sosok pemimpin berwibawa menerusi sajak 'Bertemu Muka' sebagaimana yang terungkap dalam stanza berikut:

*Di antara penuh sesak  
Ramai orang gaya bergaya,  
Dia itu tercelah  
Kecil lemah seperti tiada bermaya.*

*Dialah dia  
Pemimpin umat,  
Tiada gila dengan hormat  
Tiada mabuk digoda pangkat. (Masuri S.N., 1962: 6-7)*

Masuri S.N. menjelmakan imej-imej manusia yang digeluti persoalan moral dan kemanusiaan, ketika mereka berlumba dalam hidup untuk menentukan yang teguh dengan yang lemah, yang tegar atau yang kecewa, yang tulen ataupun yang palsu, berdamai dengan lelakon dan bermuka-muka. Beliau menggambarkan wujudnya kelompok yang ingin cepat makmur, tanpa memperdulikan jalan cara yang diambil seperti "*orang-orang yang dadak mengganas / Geraknya sembrono, / Macam kilat melangkah itu jambatan / Sekarang berdiri bangga di seberang selamat.*" Masuri menggesa masyarakat agar berdikari dan 'Jangan Berharap' kerana masanya 'Bukan Untuk Menadah Tangan' tetapi mula mengatur langkah dan bertindak dengan bijaksana melalui 'Melangkah Sekarang' kerana 'Kami Anak Zaman Ini' yang

mempunyai 'Jiwa Perwira'. Untuk mengatur langkah dan bertindak, seseorang itu harus mengelakkan diri daripada menopeng dalam kepura-puraan, "*Dalam topengku penuh kelemahan dan putus asa*" demi menunjukkan kesempurnaan diri dan bimbang akan kejatuhan.

Masuri merenungi pergolakan hidup masyarakat yang berlaku ketika itu dan merakamnya melalui sajak-sajak seperti 'Sandiwara Maya', 'Percakapan Antara Dua Buah Benua', 'Pendusta Yang Terus Diburu', 'Kehilangan Peribadi', 'Hendak Ke Mana Manusia?' dan 'Terlanjur Silap'. Di samping memperlihatkan sandiwara dunia melalui topengan hidup, beliau menganjurkan masyarakat ke arah sikap yang positif dalam berbudi kepada masyarakat dan tanahair melalui sajak-sajak 'Cara Berbakti', 'Sederhana Saja', 'Memberi dan Menerima' kerana masih ada lagi 'Perjuangan Yang Belum Selesai'. Sebagai penyair yang aktif menyumbang tenaga ke arah kesejahteraan masyarakat, beliau juga menghormati rakan seperjuangannya melalui 'Penyair Dan Malam' dan beliau cukup menguasai ketukangannya 'Sebagai Penyair' dalam 'Dunia Puisi' dengan berbekalkan pengabdian kepada 'Kebesaran Illahi'. Himpunan puisinya dalam *Warna Suasana* (1962) menampakkan kepedulian moral beliau melalui tiga ranah utama iaitu kemasyarakatan, kemanusiaan dan kerohanian.

Antologi *Lukisan Rasa* (Masuri S.N., 1960) memuatkan 12 cerpen yang ditulis di antara tahun 1948-1952. Naratif dalam antologi tersebut mengajukan pemikiran seorang penulis muda yang tajam renungannya. Dalam cerpen-cerpen 'Semangat Ombak Melandai Pantai', 'Cerita Dua Buah Kedai Kopi', 'Ingin Jadi Jutawan' dan 'Besar Pasak Dari Tiang', Masuri menyinggung budaya hidup masyarakat Melayu yang inginkan peningkatan hidup dan mobiliti sosial, tetapi melakukannya menurut pendekatan yang salah. Manakala melalui cerpen 'Salahnya Sendiri' dan 'Kak Maimon' Masuri jelas menunjukkan beliau tidak berpihak kepada pemikiran atau penerimaan budaya yang tidak membangun. Dalam cerpen 'Salahnya Sendiri', Osman kecewa apabila kekasihnya Noraini ditunangkan dengan Husin, sahabat baik Osman atas arahan kedua ibu bapa Noraini. Sebagai seorang sasterawan yang berani menyuarakan pandangannya melalui karya, Masuri menggambarkan bagaimana adat dan budaya seringkali dipegang teguh tanpa meneliti kerasionalannya. Pemikiran ini diungkap melalui petikan berikut:

*"Ya, akulah yang bersalah", dia mengutuk dirinya.*

*"Noraini tidak bersalah..." katanya lagi sendirian. Kerana fikirannya sampai juga pertanyaan kenapa Noraini menerima pinangan Husin itu. Menurut adat kebiasaan Melayu, anak dara tidak berhak memilih jodohnya sendiri. Dia hanya disuruh menerima apa saja yang dimajukan oleh orang tuanya. Sebab itu waktu Husin meminang dan pinangannya diterima, tentulah Noraini tidak dapat berbuat apa-apa, walaupun dengan sebab itu hatinya akan hancur luluh.*

*"Adat Melayu yang kolot inilah yang bersalah..." kata Osman menutp segala angan-angan dan permenungannya yang panjang di atas robohan mahligai citanya yang telah tumbang berkecai."*  
(Masuri S.N., 1960: 43-44)

Cerpen 'Kak Maimon' pula mengangkat imej wanita yang progresif, yang dapat berdepan dengan cabaran hidup dengan cara yang terbuka dan berminda positif. Kak Maimon, merupakan janda kematian suami yang didesak oleh orang tuanya agar menikah lagi supaya kehidupannya bersama dua orang anak yang masih kecil, terbelah dan terbelah. Namun, Kak Maimon menepis segala pandangan stereotaip yang ditujukan kepadanya malah dapat hidup berdikari berbekalkan ilmu menjahit untuk menampung kehidupannya. Jelas di sini, Masuri menggalak pembaca menganjak minda ke satu tahap ke arah

kesempurnaan hidup. Masuri menganjurkan betapa kita harus cekal dan bijaksana untuk menilai adat dan budaya yang boleh meruntuhkan ataupun memanfaatkan kehidupan.

Dalam usia yang masih agak muda, Masuri telahpun mempunyai falsafah hidup yang kukuh. Beliau tidak betah dengan pemegang gelar, dengan orang yang melakukan sesuatu untuk kepentingan tertentu dan beliau peka terhadap "... kisah berjuang, mahu begitu, mahu begini, mahu majukan bangsa, itu cuma rancangan orang sahaja ... Ada yang konon mahu bela kaum melarat, bersyarah sampai haus tekak – itu pura-pua sahaja. Mau cari nama dan pijak orang-orang lain jadi alat – itu maksudnya..."(1960:18). Menerusi cerpen 'Keluhan Seorang Pemuda' (1960:1-5), Masuri merakam dilema seorang peniaga muda bernama Ramlan yang ingin mengibarkan slogan "*Pemuda Harapan Bangsa*" dengan bergiat dalam persatuan, tetapi kecundang akibat keghairahan yang keterlaluan terhadap penghormatan yang diberikan kepadanya. Pada masa yang sama, dia ingin mengikis pandangan masyarakat umum terhadapnya iaitu, "*pemuda berjiwa hamba, hampas anak jajahan*". Dilema Ramlan digambarkan menerusi suratnya kepada seorang rakan dengan alasan meminta pandangan. Cerpen diakhiri dengan pandangan bernas rakan tersebut menyarankan agar Ramlan mencari penyelesaian dengan membina "*penyesuaian faham dalam membaca lukisan hidup*".

Masuri juga memberi penghormatan kepada ketukangan para penyair yang melibatkan diri terhadap keprihatinan sosial, "...*isi sajak sahabatku Adnan itu kebanyakannya membayangkan, mengesahkan dan melukiskan keadaan manusia dan soal-soal hidup yang dihadapinya dengan terus terang, menyeluruh dan amat tepat sekali...*"<sup>3</sup> tetapi tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya akibat kedangkalan pihak pengayom (penerbit) yang hanya inginkan keuntungan melalui cerita-cerita picisan dan hanya akan berkata, "*Sekarang siapa mahu baca sajak. Karanglah cerita-cerita yang disukai oleh masyarakat.*"

Penghormatan yang diberikan terhadap para penyair berbibit daripada rasa tanggungjawab beliau sebagai sebahagian daripada kelompok tersebut. Melalui esei-esei beliau yang diterbitkan dalam *Utusan Zaman* dan *Mastika* pada tahun 1950an, beliau menganjurkan pembelaan terhadap golongan penyair yang benar-benar ikhlas memikul tanggungjawab ke arah pembangunan masyarakat melalui kesusasteraan.<sup>4</sup> Dalam esei 'Kesungguhan Dalam Sastera' beliau mempunyai "*kesedaran yang mendalam terhadap bahasā dalam kemajuan masyarakat*". Bagi Masuri, konsep kemajuan yang patut dikembangkan adalah "*mengenai kebudayaan yang melingkupi kesenian dan kesusasteraan yang patut ditinggikan, kalau kita mau duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain yang sudah maju di dunia ini.*"<sup>5</sup>

Melalui penulisan esei, Masuri S.N. memberi sumbangan awal yang besar dalam membicarakan perkonsepsian terhadap 'syair baru' dalam *Sekitar Sajak dan Perkembangannya* (Masuri S.N.: 1965), yang memuatkan esei-esei dari tahun 1951-1964. Kemahiran dan penjiwaan beliau terhadap sajak sebagai sebuah hasil seni, dibincangkan secara menyeluruh dengan membawa matlamat utama; iaitu "*ingin menunjukkan bahawa perkembangan sajak di tanahair kita adalah merupakan sebagai salah satu cabang kesusasteraan yang dihasilkan oleh penyair-penyair kita dengan penuh kesungguhan, wajar dan sihat.*"<sup>6</sup> Beliau membangunkan tradisi keilmuan dengan membincangkan tentang konsep sajak, kaedah mengarang, menilai, menjivai dan menikmati sajak. Beliau juga berkongsi pengalaman menghasilkan sajak serta

<sup>3</sup> Masuri S.N. (1960: 69).

<sup>4</sup> "Mencari Persesuaian Antara Penerbit, Pengarang dan Masyarakat" dalam *Esei Sastera Asas '50*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 157-160.

<sup>5</sup> Ibid, hlm. 161.

<sup>6</sup> Ditukil dari bahagian Sepatah Kata.

mengajak khalayak pembaca mengikuti perkembangan terbaru dalam alam puisi ketika itu dengan menghebahkan tentang polemik sastera yang berlaku agar perbincangan dalam arena yang lebih luas dapat dilakukan. Beliau malah mengutarakan pandangan dalam esei, selaras dengan proses pemikiran seorang *rawnsynfikir* dan ini diperlihatkan melalui:

*“Dalam menggunakan fikiran ini juga seorang penyair harus mempunyai kuasa, (1) mencadang, (2) menyelidik, menimbangkan sesuatu kejadian dan pendapat-pendapatnya dengan cukup masak sebelum fikirannya itu menjadi isi sebuah sajak yang akan dikarangnya.”* (Masuri S.N., 1965: 6)

Sebagai sasterawan, Masuri S.N. menggambarkan sosok seorang pendukung seni yang unggul iaitu; (a) mempunyai kemahuan dan minat yang berfokus kepada bidang lapangannya, (b) mempunyai peribadi yang teguh, (c) tidak lekas terasa puas, berusaha ke arah peningkatan nilai dan penjaanaan idea-idea maju, menuju ke arah pembaharuan, (d) mempunyai sikap dan pembawaan yang sederhana – tidak mudah lentur apabila didewadewakan. Walaupun zaman beredar, beliau tetap menampilkan diri melalui sosok tersebut sehingga akhir hayatnya. Ciri ini juga diperlihatkan melalui karya-karya beliau dalam peringkat pertengahan dan kemudiannya di peringkat akhir pengkaryaan.

#### **PERINGKAT PERTENGAHAN PENGKARYAAN**

Dalam peringkat ini, Masuri S.N. menampakkan fokus dan cara kerja yang konsisten dalam menghasilkan karya. Ciri *Rawsynfikri* dalam karya masih kekal dipegang ketika mengharungi era pemodenan yang pesat ketika itu. Melalui karya-karya beliau, kepedulian terhadap perkara-perkara yang dijelmakan dalam karya awal, diketengahkan lagi secara konsisten. Sebagai ahli masyarakat yang didampingi urbanisasi dan pembangunan, arus pemodenan tidak dijadikan balapan yang menggetarkan. Sajak-sajak yang dihasilkan dalam tahun-tahun 1970-an - awal 1990-an menggambarkan betapa beliau berani menghadapi cabaran hidup dan mendekatinya dengan pendekatan yang berbeza, dalam gerbang abad milenium.

Bertunjangan kesedaran sosial yang menjadi mata perenung beliau, Masuri S.N. tetap menunjukkan keprihatinan dan kepekaan terhadap kondisi dan moral masyarakat. Dalam peringkat ini beliau gigih mentakrif, mengkedepankan, mencari huraian dan memberi pandangan terhadap isu-isu serta persoalan yang terbentuk dalam masyarakat. Sebagai konsumer awal terhadap idea-idea yang diperolehinya melalui bacaan mahupun pengalaman dalam gelanggang pendidikan dan kesusasteraan, beliau giat menyebarkan idea tersebut melalui karya-karyanya.

Sajak-sajak Masuri S.N. di peringkat ini merupakan menifestasi pemikiran tersebut. Dalam *Mimpi Panjang Seorang Penyair* yang memuatkan koleksi sajak-sajak yang dihasilkan antara tahun 1989-1994, Masuri S.N. bukan lagi penyair muda, malah beliau mampu mengambil tempatnya dalam cabaran abad kedua puluh satu dengan jiwa dan akal yang dewasa, matang dan bijaksana. Menurut Kemala:

*‘Mimpi...’ di sini dapat disamakan dengan idealisme, bukanlah sebuah angan-angan atau khayalan kosong. ‘Mimpi...’ adalah sebuah hasrat, sentuhan, jejak kehendak, ruang cita-cita, aspirasi, pengkelanaan jiwa dan akliah baik secara lahiriah mahupun secara wajar ataupun ‘nestapa’ anak Melayu di Nusantara.* (Masuri S.N., 1995: xvii)



Dalam *Mimpi Panjang Seorang Penyair*, kumpulan puisi beliau dihimpunkan dalam beberapa subtopik yang merakam pemikiran beliau seperti; (i) Menyurat Hasrat, (ii) Mentafsir Makna, (iii) Merenung Masa. Yang jelas, persoalan yang terungkap dalam karya Masuri S.N. tetap konsisten, namun pada peringkat ini, padangan beliau disampaikan dengan lebih langsung ketajamannya. Pengkaedahan yang diambil untuk menyurat hasrat dan mentafsir makna bersesuaian dengan konteks 'merenung masa' ketika itu. Keterampilan beliau sebagai penyair dalam periode itu digambarkan melalui 'Puisi Menjadi', kerana beliau tahu yang selama ini beliau telah 'Puas-puas' dan 'Menghadapi Kata-kata', maka itu melalui sajak 'Azamku', beliau bertekad untuk "*sekarang azamku terpahat / untuk tidak menjadi penyurat / yang mengulang-ulang suara / yang meraung-raung rasa*" dengan "*gambaran yang berkabut / yang membutakan mata makna*". Azam dan perjuangan beliau sebagai penyair lebih serius diperdengarkan melalui sajak tersebut.

Justeru itu, dalam sajak 'Kau Kira', beliau agak sinis terhadap penyair yang hanya pandai bermain dengan estetik bahasa, tetapi tidak dapat mendampingi masalah masyarakat yang didepani dengan baik, kerana penyair jenis ini tidak dapat memberi makna "*buat umat manusia / yang hidupnya terlonta-lonta / mencari bimbingan / memberi harapan / masa-masa depannya / yang kelihatan begitu malam*". Masuri S.N. mengajukan soalan kepada penyair yang "*masih mahu bermain kata-kata*" melalui barisan dalam stanza berikut:

*kepada siapa kau halakan  
semua rintihan semua keluhan:  
kepada dirimu sendiri  
yang tidak pernah tahu  
maknanya perjuangan.* (Masuri S.N., 1995: 19)

Nada seriusnya jelas kedengaran apabila beliau menyinggul kelompok manusia intelektual yang tidak berfungsi, yang tidak mencari jalan memahami masalah sosial dan membela kelompok masyarakat yang tinggal dalam latar pembangunan dan urbanisasi, tetapi serba kekurangan, "*dan meratap-ratap meminta belas ihsan*". Dalam sajak 'Kita Tidak Boleh Jadi Siapa', beliau menegaskannya melalui stanza berikut:

*maka lalu apakah yang  
mahu diucapkan  
pembelaan kepada yang tertindas  
yang serba kurang  
meraba-raba di tengah benderang  
mereka ini siapa  
mereka menjadi bulan-bulanan  
alat permainan  
manusia intelektual  
yang bergaji berpuluh-puluh ribu  
berumah paling kurang masonet dua tingkat  
berkereta ke timur dan ke barat  
menyedut-nyedut makmur  
tapi buat-buat  
membela kaum melarat.* (Masuri S.N. 1995: 21)

*Dunia Di Sebalik Dunia* merupakan kumpulan cerpen yang memuatkan karya-karya antara 1974-1992. Sesuai dengan judulnya, Masuri S.N. menunjukkan gambaran dunia beberapa kelompok masyarakat yang hidup dalam iklim sosial yang kian membangun dari segi ekonomi dan infrastruktur. Masing-masing mempunyai dunia dan cabaran kehidupan yang berbeza, berdasarkan latar pendidikan dan sosio-ekonomi.

Antologi cerpen tersebut terbahagi kepada dua bahagian dan bahagian pertama memuatkan karya naratif yang berkisar tentang watak dan perwatakan yang pelbagai; iaitu watak seorang pengurus syarikat, pekerja kolar putih, mantan guru wanita; pegawai keselamatan, pelukis iklan, yang kesemuanya digambarkan sebagai watak yang progresif dan produktif, namun harus berdepan dengan pelbagai masalah dalam menempuhi kehidupan berlatar kota yang penuh dengan cabaran. Masuri melukiskan gambaran yang positif terhadap watak-watak tersebut dan tidak ditonjolkan sebagai watak lemah dan pasrah, yang sering meminta-minta atau yang mudah kecundang. Sebaliknya, pelukisan watak dalam antologi tersebut menunjukkan watak yang berdikari, yang dapat mengenalpasti dan mempunyai kesedaran akan masalah yang dihadapi dan mencari jalan penyelesaiannya. Selain itu, dunia kanak-kanak dan alam pelajar juga dimuatkan dalam *Dunia Di Sebalik Dunia*. Secara tidak langsung, diperlihatkan kepedulian beliau terhadap golongan kanak-kanak dan remaja yang juga merupakan sumber pembangunan masyarakat dan negara.

Dalam bahagian kedua *Dunia Di Sebalik Dunia*, Masuri S.N. mula bereksperimen dengan memasukkan unsur unrealisme dalam cerpen 'Pengembaraan'. Persoalan yang diungkap dalam kumpulan cerpen di bahagian kedua ini dibumbui unsur falsafah yang dapat dihayati oleh khalayak pembaca. Antaranya di ungkap dalam 'Nafas' melalui watak-watak simbolik seperti 'gagah' dan 'malas'. Masuri S.N. menunjukkan bagaimana persoalan tentang kehidupan dan hukum alam tidak menjadi kepedulian utama kepada manusia, tetapi merupakan perkara rutin yang seringkali tidak dijadikan bahan ulang fikir. Perkara ini diungkap melalui petikan berikut:

"...Tapi soal nafas dan bernafas, bilakah kita fikirkan secara sungguh-sungguh berpanjangan pula masanya!"

"Kita hidup bernafaslah bodoh!" pemudi itu menjawab bila pada akhirnya kutanyakan juga soalan di atas tadi. Ah, betapa lapang padang otakku. Kau tahu inilah jawapan yang kunanti dan kucari. Sekarang telah kutemui.

"Jadi tak perlulah udara?" kutanyakan kepada pemudanya pula.

"Siapa yang berpayah-payah memikirkan udara adalah mausia bodoh."

"Kenapa?"

"Udara ada di mana-mana dan percuma pula."

"Tidakkah mungkin suatu waktu nanti udara dicatu?" (Masuri S.N., 1992: 73)

Dalam bahagian penulisan esei, Masuri S.N. menampakkan ketegasan, sesuai dengan latar masa dan khalayak sasarannya. Beliau menentangahkan persoalan yang berlegar dalam dunia kesusasteraan; dari sudut pemerhatian seorang penghasil karya dan sudut khalayak penerima. Dalam *Pengakuan dan Pengalahiran Seorang Penulis: Kumpulan Esei*, Masuri S.N. menunjukkan pengamatan kritikal beliau terhadap karya sastera, khususnya terhadap genre puisi, bidang yang berdarah daging dengan beliau. Dalam kumpulan esei tersebut, Masuri S.N. sering mengutarakan pandangan beliau terhadap iltizam, dedikasi dan 'conscience' yang harus dimiliki seorang pencipta puisi; iaitu pengarang (a) harus berani meneroka nafas dan

jangkauan baru dalam penciptaan, (b) menggelakkan diri daripada terlalu terkongkong dengan aspek formalistik penghasilan puisi, (c) tidak terikat dengan selera masyarakat terbanyak, (d) harus anjal terhadap kritikan yang dilontarkan golongan pengkritik sastera dengan penuh konviksi dan (e) harus tabah dengan keyakinan dan berdaya tahan uji.

Selanjutnya, beliau menegaskan pentingnya pihak pengarang untuk tidak taksab dengan karya-karya yang dihasilkan sehingga terlupa diri apabila disanjung ataupun disukai. Beliau menyifatkan kelompok sasterawan ini sebagai "*sasterawan 'kelas kambing' yang pada lahirnya menulis sesuatu yang benar-benar diyakini dalam hidupnya, tetapi pada hakikatnya ia menukis supaya disukai, supaya popular dipuji oleh pengkritik.*"<sup>7</sup> Selain daripada golongan pengarang serta khalayak pembaca, Masuri S.N. juga menjelaskan kepentingan kelompok pengkritik sastera yang memainkan peranan penting dalam pembangunan kesusasteraan Melayu Singapura.

Untuk meluaskan pandangan beliau terhadap pengkaryaan serta penghayatan sastera, Masuri S.N. mengesyorkan beberapa panduan yang boleh diambil khalayak pembaca untuk dapat mendekati, memahami dan menikmati sajak yang dibaca. Ciri *rawsynfikri* ini memang jelas kelihatan lewat esei-esei yang dihasilkan pada peringkat awal pengkaryaan dan ia dikembangkan lagi pada peringkat pertengahan penulisan. Selain itu wawasan beliau untuk meletakkan sastera Singapura di peringkat yang lebih tinggi jelas kelihatan melalui pemerhatian beliau yang tidak mengkesampingkan peranan golongan pelapis, khususnya penulis muda.<sup>8</sup> Beliau mengalu-alukan serta meletakkan harapan kepada golongan tersebut kerana golongan inilah yang kelak mewakili kewujudan zaman-zaman tertentu, dapat menunjukkan reaksi terhadap keadaan sekitar dan mewarisi kebudayaan kesusasteraan dalam konteks masyarakat Melayu Singapura. Namun begitu, beliau menyinggulkan kelompok tersebut secara halus melalui pengamatan beliau terhadap aspek penciptaan, sikap dan aliran pemikiran yang dipegang oleh kebanyakan penulis muda. Beliau berpandangan, bahawa penyajak muda masih belum memiliki "*a long fanatic thought*" (1983: 107) dalam karya dan "*lebih mengutamakan, 'untuk apa aku menulis' (berkarya) daripada 'apa yang aku tulis'. Kerana itu dengan sendirinya nilai-nilai puisinya menjadi soal secondary.*" (1983: 109).

Namun begitu, singgulan beliau terhadap golongan tersebut bukanlah untuk mematikan semangat dan bakat mereka dalam bidang penulisan. Dalam sebuah artikel lain<sup>9</sup>, Masuri S.N. menyuarakan penghormatan terhadap penulis muda dan segala usaha yang dilakukan ke arah kemajuan dan perkembangan mereka. Menurut beliau:

*Dalam lapangan penulisan kreatif, kita nampak adanya usaha yang konkrit untuk 'merumahan' bakat remaja kita. Ruangan Coretan Remaja yang tetap keluarannya seminggu sekali dalam Berita Harian, yang mengisi citarasa, cetusan, perasaan remaja-remaja kita dalam bentuk sajak, cerpen dan esei kian menerima sambutan yang menggalakkan. Sesungguhnya usaha untuk mengadakan Kelab Coretan Remaja Berita Harian, adalah satu usaha praktikal ke arah memperkembangkan bakat remaja-remaja kita dalam lapangan bahasa dan kesusasteraan kita yang tercinta.*

<sup>7</sup> 'Sasterawan dan Karyanya' dalam *Pengakuan dan Penghasilan Seorang Penulis: Kumpulan Esei* (1983: 21). Esei ini pernah diterbitkan dalam majalah *Sasterawan*, Oktober 1971.

<sup>8</sup> 'Persajakan Melayu Singapura' dalam *Pengakuan dan Penghasilan Seorang Penulis: Kumpulan Esei* (1983: 21). Sebelum ini, telah diterbitkan dalam *Berita Minggu*, 24 Jun 1979.

<sup>9</sup> 'Merumahan Bakat Remaja', disiarkan dalam *Berita Harian*, 24 April 1994.

## MELALUI GERBANG MILENIUM

Azam Masuri S.N. dalam meneruskan konsep Melayu Baru yang telah dibentuk sejak dari awal zaman pengkaryaan beliau, memang tidak pernah luntur sehingga ke akhir zaman pengkaryaan di mana latar kehidupan bukan lagi disandarkan melalui latar kota urban, tetapi latar kota raya sejagat. Konsep yang dibawa itu menyentuh setiap golongan masyarakat, termasuk golongan remaja. Secara konsisten golongan remaja tidak dikesampingkan dalam penelitian Masuri S.N. terhadap perkembangan masyarakat. Dalam esei 'Remaja: Tumpuan Masyarakat Setiap Zaman'<sup>10</sup>, beliau menegaskan betapa "*tumpuan bulat*" terhadap golongan remaja harus diberikan "*sama ada dalam bidang pendidikan, kebudayaan, kesukanan dan yang lebih afdal lagi, dalam soal keagamaan – maka titik usaha kita ialah dan mestilah kepada membentuk akhlak remaja....*" Beliau menyarankan semua pihak melibatkan diri dalam usaha tersebut, "*tidak mengira kedudukan dalam susun lapis, hendaklah sama-sama meluangkan masa memikirkan dan mencari ikhtiar agar para remaja kita sentiasa diutamakan dan diambil berat pertumbuhan dan perkembangannya. Dengan mengambil kira begini, remaja kita tidak merasa diabaikan.*" (2006: 53).

Di sini, tergambar kesediaan Masuri S.N. turun gelanggang untuk turut memperlihatkan dan menghuraikan masalah sosial yang menjadi bahan pengamatannya. Selain memberi tumpuan kepada kelompok remaja ataupun golongan muda, beliau juga peka terhadap perkembangan masyarakat Melayu Singapura dan kedudukan mereka dalam kelompok masyarakat rumpun Nusantara yang lebih luas serta ketrampilan mereka berhadapan dengan alaf baru, era IT, perkampungan global dan nilai sejagat. Pengamatan beliau banyak dikedepankan lewat artikel-artikel yang diterbitkan dalam ruangan di *Berita Minggu*. Ini juga menjelaskan bagaimana beliau akur terhadap kuasa wadah seperti *Berita Minggu* untuk menyampaikan pandangan tersebut, agar ia turut dapat penerimaan khalayak massa. Selain itu, persoalan dan kemaslahatan yang serupa juga dibentangkan kertas dalam seminar dan pertemuan sasterawan setempat mahupun di luar negara. Jelasnya, yang menjadi asas kepada perbincangan beliau merupakan prioritas terhadap masalah partikular, yang bukan sahaja dibincangkan dalam konteks lokal, tetapi diketengahkan di negara-negara nusantara seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei.<sup>11</sup>

Masuri S.N. menjadikan intelektualisme sebagai semangat pengkaryaan beliau dan melihat pendidikan seumur hidup sebagai aspek yang penting dalam pengkonsepsian manusia baru. Ini terlihat kepada komitmen dan kecintaan terhadap ilmu serta pola pemikiran beliau yang berfokus. Pemikiran serta idea yang diketengahkan tetap konsisten walaupun ada tanggapan yang mengatakan di saat akhir pengkaryaan, puisi beliau lebih bersifat *mellow* dan beliau seakan menuju ke arah kepasrahan.

Namun, apabila diteliti sajak-sajak yang beliau hasilkan pada akhir pengkaryaan,<sup>12</sup> Masuri S.N. tetap utuh dengan pemikiran dan pemberdayaan beliau melalui konsep 'Selagi Hayat Dikandung Badan' – konsep yang agak bersinonim dengan jiwa serta pengkaryaan beliau. Walaupun nada kerohanian jelas kedengaran dalam kumpulan sajak *Suasana Senja*, namun ini tidak bermakna beliau mula menunjukkan jiwa pesimis. Beliau sedar akan kedudukan serta peranan beliau yang perlu disesuaikan dengan latar sosial. Justeru, beliau bijak menggunakan pendekatan dan pemberdayaan, mengungkap melalui nuansa-nuansa lunak yang sesuai dengan latar serta kelompok khalayak yang beliau depani. Beliau tidak

<sup>10</sup> Dlm *Dalam Merenung Dalam: Kumpulan Esei dan Kritikan 1977-2005* (2006: 52-53). Juga pernah diterbitkan dlm *Berita Minggu*, 16 Mei 1999.

<sup>11</sup> *Dalam Merenung Dalam – Kumpulan Esei dan Kritikan 1977-2005*.

<sup>12</sup> Rujuk *Suasana Senja: Kumpulan Sajak 1995-2001*.

perlu melaung-laungkan cogan kata atau menyeru khalayak ke arah pembangunan dan perkembangan minda, tetapi keunggulan pengkaryannya tetap menyerlah melalui nada yang *subtle*, tanpa sifat romantisisme mahupun melankolik yang berlebihan. Ini jelas kelihatan melalui sajak-sajak 'Azam Baru' dan 'Menghadapi Cabaran'.

Melalui sajak-sajak seperti, 'Membenarkan Kepapaan', 'Cintaku Tidak Luntur', 'Bertanya Dalam-dalam' dan 'Tuan Tanyakan', Masuri S.N. mempamerkan pendiriannya yang masih teguh mendukung pemikiran yang berlegar terhadap kemanusiaan, kehidupan masyarakat setempat serta kerohanian. Beliau arif mengekalkan tahap penyuburan (*maintainance*) karya demi menuju ke arah kesempurnaan. Proses penyuburan serta kesempurnaan tersebut dibajai unsur-unsur kerohanian yang menjadi bahan refleksi serta muhasabah beliau terhadap peranannya sebagai sasterawan, ahli masyarakat serta insan di muka bumi ini.

Dengan mengekalkan fokus terhadap pembangunan masyarakat, beliau tetap teguh dengan peranan sebagai sasterawan yang berfungsi. Dalam melalui usia senjanya, beliau tidak 'melatah' dengan pendekatan yang kurang sesuai ataupun 'merajuk' dengan buaian emosi yang keterlaluan apabila berdepan dengan khalayak zaman milenium. Ketegasan Masuri S.N. menyampaikan pemikirannya kerap kali terungkap melalui keseriusan beliau menghasilkan karya. Sejak dari awal pengkaryaan lagi beliau mengegaskan "*bahawa kerja menulis puisi / bukan kerja main-mainan*" dan "*aku menulis puisi / bukan kerana arahan / bukan minta sanjungan / setinggi awan.*" (1995:26-27). Justeru nada yang sama juga terungkap dalam sajak-sajak akhirnya seperti sajak 'Sebenarnya Saya Ingin' yang diungkap di bawah ini dan inilah antara ciri *rawsyifikri* yang diperlihatkan melalui karya-karya beliau di akhir hayat.

*Sebenarnya saya ingin  
bukan sekadar berharap  
tapi memohon  
biar udara di sini dingin  
menjadikan hatiku ini  
bertambah yakin  
setiap usaha tidak mencari nama  
menegakkan diri di tengah-tengah dunia  
maknanya menjadi bahan  
gelak dan igauan  
orang-orang yang sedar dirinya terpedaya*

(Masuri S.N. 2003: 166)

## **JAUHARI YANG MENGENALI MANIKAMNYA**

Hubungan di antara teks, khalayak dan pengarang adalah jalinan tiga hala yang saling memerlukan dalam latar tertentu untuk mendukung matlamat yang ingin disampaikan oleh pengarangnya. Sekiranya pengarang tidak mengenali kelompok khalayak yang didepani serta latar keadaannya, maka teks yang dihasilkan tidak dapat menepati objektif pengkaryaan. Kelompok khalayak Masuri S.N. bukan sahaja berupa kelompok yang bekecimpung dalam bidang kesusasteraan, malah karya beliau juga disasarkan kepada khalayak umum, yang mengungkap nada kemanusiaan terhadap golongan miskin, terpinggir dan yang kurang bernasib baik. Di awal peringkat pengkaryaan, beliau akur terhadap kelompok yang buta huruf, kelompok yang miskin, tetapi berminat mendekati kesusasteraan (unsur ilmu). Di peringkat pertengahan pengkaryaan, beliau menunjukkan empati kepada golongan yang harus berdepan dengan pembangunan dan urbanisasi, cabaran-cabaran hidup di zaman moden dari segi budaya ilmu, ekonomi serta materi yang

banyak menodai moral kehidupan masyarakat. Di peringkat akhir pengkaryaan, beliau akur akan keterlibatan beliau terhadap aspek kerohanian yang menebal, namun dapat menguasai kelompok khalayak dengan pendekatan yang 'subtle' sesuai dengan kelompok yang hidup dalam zaman pasca-modernisme yang dipenuhi aliran surelisme, absurdisme, hipermodernisme serta rentetan gaya hidup budaya popular yang kerap silih berganti.

Masuri S.N. menunjukkan kepekaan semasa melalui latar dan mendepani khalayak yang berbeza, justeru pendekatan yang berbeza tercermin melalui teks yang beliau hasilkan. Teks merupakan wadah yang dapat menampung pemikiran, idea, aspirasi, kreativiti serta kemampuan intelektual pengarangnya. Ia seakan-akan mewakili lidah pengarang dalam bentuk yang tertentu; tidak kira dalam bentuk prosa mahupun puisi. Teks yang dihasilkan disampaikan melalui genre yang berbeza dan ketentuan ini dilakukan oleh pengarang yang pemilihan genre yang terbaik. Ini bersangkutan dengan latar yang membentuk masyarakat khalayak yang disasarkannya.

Latar bukan sahaja membezakan penghasilan, bentuk dan struktur teks, tetapi juga membezakan jenis khalayak dan penerimaan mereka terhadap teks tersebut. Ini dapat dilihat menerusi fungsi bentuk dan fungsi teks yang dihasilkan Masuri S.N. Dalam proses ketukangan, beliau tahu memilih alat tukang tertentu agar hasilnya dapat dimanfaatkan oleh khalayak penerima. Menurut beliau, "*Puisi itu berdiri kukuh untuk kehidupan, kesegaran, vitality dan keharuan dari pengalaman manusia. Sebab puisi adalah musuh besar kepada semua yang resmi, stereotype, yang basi atupun pengucapan yang membosankan.*" (1983: 18)

## KESIMPULAN

Unsur moral yang universal dalam karya-karya Masuri S.N. mengajak khalayak merenung kembali dan memikirkan akan peranan mereka terhadap masyarakat. Karya-karya beliau diperbincangkan di persada dunia sastera dan di peringkat akademik dan telah "... menyumbang sesuatu ke arah kebijaksanaan sebagai suatu aset rohaniah dan pemikiran intelektual...."<sup>13</sup>

Sebagai seorang penulis yang jujur dengan ketukangannya, ciri *rawsynfikri* dalam karya beliau menegaskan betapa beliau mengenali khalayaknya. Memang wajar jika Masuri S.N. dilihat sebagai Jauhari yang mengenal manikamnya. Beliau mengajukan pemikiran-pemikiran yang konsisten sepanjang tiga peringkat pengkaryaan beliau, tetapi diketengahkan melalui pendekatan yang berbeza untuk disasarkan kepada kelompok khalayaknya yang berbeza dari segi latar budaya dan kehidupan. Yang ingin ditegaskan di sini adalah, sejauh mana manikam yang telah dipilih ini dapat mengapresiasi lalu melanjutkan budaya *rawsynfikri* yang terbit dari ketukangan sang jauhari?

Berputik daripada sesi seminar ini, langkah-langkah selanjutnya harus diambil agar pemikiran dan kepengarangannya Masuri S.N. bukan sahaja dapat diapresiasi, malah dikumpulkan, didokumentasi, dikaji, diperbincangkan dan digunapakai dalam bidang pendidikan dan kesusasteraan pada tahap yang lebih luas. Saranan agar dijayakan pusat dokumentasi yang mengumpulkan segala bahan yang berkaitan dengan Masuri S.N. agar dapat memanfaatkan kegiatan keilmuan dan rujukan. Langkah awal telahpun dimulakan oleh pihak NLB, tetapi kejayaan usaha ini juga terletak kepada sokongan dan sumbangan bahan daripada orang ramai, ahli keluarga serta rakan-rakan seperjuangan beliau.

Selanjutnya, pusat rujukan ini pula harus mendapat sokongan aktif daripada para pengguna khususnya kelompok remaja dan angkatan muda agar golongan pelapis ini dapat

<sup>13</sup> Oleh Othman Putih, sebagai Kata Pengantar dlm *Di Luar Dugaan* (Masuri, 1999: xx).

melestarikan budaya *rawsynfikri* secara meluas. Kerjasama pihak-pihak tertentu juga diperlukan bagi memastikan usaha ini tidak terhambat oleh kekurangan dana atau ketidaksesuaian lakaran/ perancangan aktiviti yang seringkali diwar-warkan, tetapi hanya bersifat sementara ataupun musiman. Diharapkan jalan kerja dan jalan pemikiran Masuri S.N. melalui sajak-sajak<sup>14</sup> di bawah ini yang dapat direalisasikan.

### **Cara Berbakti**

*Semerbak sekali bau di taman ini  
Kesegaran bunga mengayakan insan,  
Dicurahkan pada siapa yang melintas di sempadan  
Tiada peduli hina mulia dan ukuran binaan.*

*Ini satu bukti  
Tanda keihlasan untuk berbakti,  
Tidak peduli kepada siapa harus diberi  
Tidak kira kepada siapa harus menerima.*

### **Sederhana Saja**

*Demi musim berlepas dengan kembang mengharum  
Tanah menerima rontokan bunga gugur tersenyum,*

*Dari atas suara musik suci mengiring  
Satria berbakti dalam pelikan pertiwi terbaring,*

*Ketika melur 'lah kuncup dan terkulai di tanah  
Putik baru merekah menyambung bakti megah,*

*Itulah penerimaan bumi tanah tumpah darahku  
Memberi dan menerima pulang pabila usaha usai berlalu.*

## **BIBLIOGRAFI**

- A. Aziz Deraman, 2005. *Intelektualisme Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asas '50, 1981. *Esei Sastera ASAS 50*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fuller, Steve, 2005. *The Intellectual*. United Kingdom: Icon Books.
- Johnson, Paul, 1990. *Intellectuals*. New York: Harper & Row
- Masuri S.N., 1960. *Lukisan Rasa*. Singapura: Malaya Publishing House.
- Masuri S.N., 1962. *Warna Suasana*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Masuri S.N., 1965. *Sekitar Sajak dan Perkembangannya (1951-1964)*. Singapura: Malaysia Publications Limited.
- Masuri S.N., 1967. *Bunga Pahit*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Masuri S.N., 1983. *Pengakuan Dan Pengalahiran Seorang Penulis: Kumpulan Esei*. Kuala Lumpur: Adabi Publishing.
- Masuri S.N., 1987. *Singgah*. Singapura: Biro Penerbitan ASAS '50.
- Masuri S.N., 1989. *Puisi-puisi Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

---

<sup>14</sup> Dipetik dari *Warna Suasana* (1962:26 & 27).

- Masuri S.N., 1992. *Dunia Di Sebalik Dunia : Kumpulan Cerpen 1974-1992*. Singapura: Persama Enterprise.
- Masuri S.N., 1993. 'Tugas Terus Seorang Penulis' dlm Karim Haji Abdullah, (ed). *Pemimpin dan Sasterawan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masuri S.N., 1995. *Mimpi Panjang Seorang Penyair*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masuri S.N., 2006. *Dalam Merenung Dalam: Kumpulan Esei & Kritikan 1977 – 2005*. Singapura: Angkatan Sasterawan '50.
- Masuri S.N., 1999. *Di Luar Dugaan: Kumpulan Cerpen 1948-1997*, Othman Puteh (Peny.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masuri S.N., 1998. *Sebibir Suara: Kumpulan Esei & Ceramah 1989-1994*. Singapura: Persatuan Wartawan Melayu Singapura.
- Masuri S.N., 1998. *Kreativiti Dan Kemanusiaan Dalam Kesusasteraan*. Selangor: Fajar Bakti.
- Masuri S.N., 2003. *Suasana Senja: Kumpulan Sajak 1995-2001*. Singapura: Angkatan Sasterawan '50.
- Masuri S.N., 2003. "Puisi dan Kemanusiaan - Mengapa Penyair?" dlm *Citra Minda: Antologi Esei*. Singapura: MBMS, hlm 76 – 93.
- Said, Edward W., 1994. *Representations of the Intellectual*. New York: Pantheon Books
- Said, Edward W., 1983. *The World, The Text And The Critic*. Cambridge: Harvard University Press.
- Syed Hussein Alatas, 1996. *The New Malay: His Role and Future*. Singapore: AMP Occasional Paper Series.
- Syed Hussein Alatas, 1977. *Intellectuals in Developing Nation*. London: Frank Cass.